

18 OCT 2001

Mindanao-Perjanjian

K'JAAN FILIPINA DAN MILF TANDATANGANI PERJANJIAN BAGI KUKUHKAN PROSES DAMAI

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) hari ini menandatangani, dalam satu majlis tertutup di sini, satu perjanjian ke atas manual bagi menamatkan permusuhan di Mindanao, kawasan bermasalah yang terletak di selatan Filipina.

Ketua Perunding MILF Murad Ebrahim berkata langkah itu akan memberi laluan bagi penubuhan pasukan pengawasan tempatan, terdiri daripada organisasi bukan kerajaan serta MILF dan pegawai kerajaan, untuk menyelia gencatan senjata di sana.

"Manual yang ditandatangani hari ini mengandungi prosedur dan arahan bagi pasukan pengawasan tempatan, yang juga perlu menyediakan laporan mengenai situasi di kawasan itu dan mereka akan bermula segera," kata Murad kepada pemberita selepas menandatangani minit itu sebelum pegawai kedua-dua pihak memulakan pusingan ketiga perbincangan damai formal di Mindanao.

Kedua-dua belah pihak telah mengadakan perbincangan di Mines Beach Resort Hotel di sini sejak Isnin untuk menyelesaikan aspek teknikal perjanjian damai itu yang telah dicapai oleh kerajaan Filipina dan MILF awal tahun ini.

Upacara menandatangani perjanjian damai yang diusahakan oleh Malaysia itu di sini disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina Gloria Arroyo.

Murad berkata mesyuarat pada kali ini ialah untuk melaksanakan apa yang telah dipersetujui dalam perjanjian damai itu.

Ketua Perunding Manila Jesus G. Dureza berkata dengan manual itu telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak, mereka kini boleh pergi ke kawasan itu dan mengaturkan bengkel bagi para pegawai yang akan melaksanakan penetapan gencatan senjata itu.

"Ini adalah bahagian yang paling penting, kami perlu melihat keadaan sebenar di kawasan itu dan bekerja seperti yang sepatutnya bagi mengekalkan gencatan senjata itu," kata Dureza.

Walaupun telah menandatangani perjanjian damai itu awal tahun ini, kedua-dua belah pihak telah banyak kali terlibat dalam pertempuran ekoran penangguhan dalam pelaksanaan proses damai itu, termasuk kegagalan untuk menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras bagi Penamatan Permusuhan bagi menyelia perjanjian gencatan senjata itu.

"Terdapat beberapa kejadian keganasan tetapi kami tidak dapat meletakkan kesalahan itu di satu pihak sahaja...setiap kejadian mempunyai latarbelakang berbeza tetapi kini mereka mempunyai peraturan untuk dipatuhi," kata Dureza.

Kedua-dua belah pihak, dalam perbincangan dua hari akan datang, akan menumpukan bagi memperhalusi butiran bagi pemulihan dan pembangunan kawasan-kawasan berkonflik di Mindanao dan isu kekuasaan nenek moyang penduduk pribumi di situ.

Satu perjanjian mengenai perkara itu dijangka akan ditandatangani sebelum pusingan mesyuarat sekarang tamat pada Sabtu.

Semasa merumuskan perbincangan mereka selama tiga hari lepas, Dureza berkata kedua-dua belah pihak berkeyakinan tinggi bahawa lebih banyak perjanjian akan dicapai.

"Tni merupakan usaha ikhlas oleh kedua-dua pihak dan kami optimistik bahawa kami dapat mencapai lebih banyak perjanjian seumpama ini...kami berdoa bagi keikhlasan di kedua-dua belah pihak dalam mencapai keamanan berkekalan di Mindanao," kata Murad, yang juga merupakan naib presiden bagi

hal ehwal ketenteraan dan Ketua Staf Angkatan Tentera Islam Bangsamoro.
-- BERNAMA
SR ZS RYN RHM